NAMA		KELAS		TARIKH	

PENDIDIKAN MORAL TINGKATAN 1:

UNIT 1 (KONSEP MORAL) -- buku teks m.s.12

1. Moral berasal daripada bahasa Latin *mores* yang membawa maksud _____.
   - A. tingkah laku baik, betul dan diterima
   - B. tingkah laku cermat dan berhati-hati
   - C. tingkah laku yang diamalkan oleh masyarakat
   - D. tingkah laku mengikut peraturan dan perasaan

2. Tingkah laku benar berasaskan _____ dan diterima oleh masyarakat.
   - A. cakap-cakap
   - B. khabar angin
   - C. fakta
   - D. anggapan

3. Ranjeet Singh didenda oleh gurunya kerana keluar kelas tanpa mendapat kebenaran. Tindakan gurunya itu merupakan tingkah laku yang _____.
   - A. benar
   - B. baik
   - C patut
   - D. sesuai

4. Amir menghulurkan derma sempena Hari Pahlawan. Tindakan Amir merupakan tingkah laku yang _____.
   - A. sahih
   - B. baik
   - C. benar
   - D. luhur

5. Seseorang yang mengamalkan tingkah laku bermoral akan berasa _____ dalam kehidupan.
   - A. sedih
   - B. ragu-ragu
   - C. gelisah
   - D. tenang

6. Murid yang bertingkah laku baik akan _____ oleh orang lain.
   - A. ditakuti
   - B. disenangi
   - C. dilindungi
   - D. dipulaukan

7. Setiap individu perlu sentiasa _____ kepada Tuhan agar menjadi orang yang baik.
   - A. berdoa
   - B. berserah
   - C. bergembira
   - D. bertenang

8. Pilih tingkah laku bermoral.
   - A. Berebut ketika menaiki bas.
   - B. Berbuat baik untuk dipuji.
   - C. Makan dengan gelojoh.
   - D. Bercakap dengan sopan.

9. Rakan anda ponteng kelas. Apakah tindakan yang patut anda ambil?
   - A. Merahsiakan daripada guru.
   - B. Mengikutnya ponteng kelas.
   - C. Menasihatinya agar tidak ponteng.
   - D. Membiarkan tindakannya.

10. Kita dianggap tidak bercakap benar apabila kita _____.
    - A. melaporkan salah laku rakan
    - B. melaporkan maklumat yang palsu
    - C. menjadi saksi salah laku orang lain
    - D. mendiamkan diri walaupun mengetahui salah laku rakan